

13/04/1997

Umno Kelantan bersikap pragmatik

KOTA BHARU: Badan Perhubungan Umno Kelantan mengambil keputusan meneruskan amalan sikap pragmatik untuk menjalin kerjasama lebih menyeluruh dengan kerajaan Pas Kelantan, kata Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa.

Beliau berkata, langkah itu sebagai menyokong penuh pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno itu, yang mahu wujudnya suasana harmoni berterusan antara kedua-dua pihak.

Katanya, keputusan itu dicapai dalam mesyuarat badan perhubungan itu yang dipengerusikan Dr Mahathir di Kuala Lumpur, kelmarin.

"Prinsip kesalingan ini akan membuka era baru dalam politik Kelantan sekali gus menamatkan peristiwa seperti kafir mengkafir, sembahyang dua imam dan pulau memulau," katanya merasmikan 'Pameran Sejarah Perjuangan Kemerdekaan Negara 1946-1996' anjuran bersama Umno Kelantan dan akhbar New Straits Times (NST) di sini, petang semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi New Straits Times Press (NSTP), Mohd Faiz Ishak; Penolong Ketua Pengarang Kumpulan NST, Ahmad Talib dan Ketua Penerangan Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Mohd Rozali Isohak.

Dalam lawatan kerja sehari ke Kelantan baru-baru ini, Perdana Menteri berkata Kerajaan Pusat bersikap pragmatik untuk menjalin kerjasama dengan kerajaan Pas jika ia mendatangkan faedah kepada seluruh rakyat di negeri itu.

Bagaimanapun, katanya, Pas diingatkan supaya tidak mengamalkan sikap menuduh orang Umno sebagai tidak Islam sehingga menyebabkan berlaku peristiwa seperti sembahyang dua imam dan kawasan kubur berasingan.

Annuar berkata, sikap sederhana yang ditunjukkan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, untuk menjalin kerjasama dengan Kerajaan Pusat itu akan dapat dihayati oleh pemimpin di peringkat akar-umbi.

(END)